

Peruntukan khas cukai pendapatan

Um- 2/9/2006

KUALA LUMPUR 1 Sept. - Bajet 2007 hari ini mencadangkan supaya peruntukan khas diperkenalkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi membolehkan pembayar cukai memohon ketetapan awal untuk memberi penjelasan dan kepastian dalam interpretasi dan pemakaian undang-undang percukaian.

Ketetapan awal adalah ialah satu kenyataan bertulis oleh Ketua Pengarah berhubung layanan cukai terhadap suatu urusan atau transaksi yang akan dikendalikan oleh pembayar cukai.

Ciri-ciri utama sistem ketetapan awal yang akan diperkenalkan adalah:

- permohonan perlu dibuat dalam borang yang ditetapkan;
- permohonan untuk ketetapan awal akan dikenakan fi;
- ketetapan awal hanya terpakai untuk pemohon sahaja;
- ketetapan awal hendaklah berdasarkan fakta sebenar dan bukan berdasarkan andaian; dan
- ketetapan awal yang dikeluarkan oleh LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri) tidak terpakai seki-

ranya fakta yang digunakan semasa membuat ketetapan awal adalah salah atau berbeza.

Cadangan itu akan berkuat kuasa mulai 1 Januari, 2007.

Pada masa ini tiada peruntukan khas bagi mengeluarkan ketetapan awal di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

LHDN mengeluarkan Ketetapan Umum bagi memaklumkan interpretasi Ketua Pengarah yang mempunyai pemakaian secara umum berhubung peruntukan Akta .

Sekiranya pembayar cukai tidak bersetuju dengan interpretasi tersebut, ia boleh memohon ketetapan persendirian.

Memandangkan Malaysia mengamalkan sistem taksir sendiri sepenuhnya, wajarlah LHDN memanjangkan perkhidmatannya bagi mengeluarkan ketetapan awam.

Kerajaan juga mencadangkan panduan audit cukai sedia ada diperkemas dan rangka kerja bagi penyiasatan cukai dikeluarkan oleh LHDN, bagi mengekalkan dan mempertingkatkan kepercayaan awam

dalam pentadbiran percukaian.

Perkara-perkara utama dalam penduan/rangka kerja tersebut adalah:

- kriteria bagi pemilihan audit dan penyiasatan;
- kaedah audit cukai dan penyiasatan;
- hak dan tanggung jawab pembayar cukai dan ejen cukai, pegawai audit dan penyiasatan;
- penyelesaian audit dan penyiasatan; dan
- kesalahan dan penalti.

Cadangan itu akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007.

Di bawah sistem taksir sendiri, audit cukai adalah aktiviti utama LHDN bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela.

Pada masa ini, maklumat berhubung dengan audit cukai boleh diperoleh daripada "Panduan Audit Cukai LHDN".

Penyiasatan adalah aktiviti penguat kuasa yang dijalankan oleh pusat penyiasatan, LHDN bagi membendung pelarian cukai. Tiada garis panduan mengenai aktiviti penyiasatan dikeluarkan oleh LHDN.

- Bernama